SAMPEL PERCUMA

Latihan Bahasa Melayu Tahun 4

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

TAHUN 4 SESI 2025/2026

Bahasa Melayu (011)

1 jam 15 minit

ARAHAN:

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	**1-10**	10	
B	**1**	5	
	2	5	
C	**1**	10	
D	**1**	20	
Jumlah		**50**	

Bahagian A
[*10 markah***]**

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Jalaini menjumpai _____ rantai di tepi jalan ketika dia berjalan pulang dari sekolah.

A seutas

B sebentuk

C selembar

D sebatang

2. Keadaan menjadi _____ apabila seorang lelaki kurang siuman membuat kacau ketika mesyuarat berlangsung di balai raya.

A riuh-rendah

B huru-hara

C bolak-balik

D senang-lenang

3 *Pilih ayat yang* **betul**.

A Wartawan itu mengirimkan beberapa soalan kepada Encik Khir.

B Sikap Razlan yang ramah itu tidak disukai oleh kawan-kawan.

C Puan Aini mencuci beberapa keping baju yang kotor

D "Oh, cepatnya masa berlalu!" keluh Samira.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Temerloh , 16 Februari – Berpuluh-puluh ikan ditemukan terapung-apung di Sungai Geliga di sini dua hari yang lalu. Ikan-ikan itu disahkan mati akibat sisa toksik. Sisa toksik itu dipercayai berpunca daripada racun serangga kimia dan baja kimia dari kebun sayur berdekatan.

Para pekebun diseru untuk menghentikan penggunaan racun serangga kimia dan baja kimia. Mereka disarankan agar menggunakan racun serangga organik dan baja organik yang lebih selamat dan mesra alam. Tanaman pula menjadi lebih subur dan alam sekitar tidak tercemar.

4 Kejadian ikan-ikan mati itu berlaku pada

A 14 Februari

B 15 Februari

C 16 Februari

D 17 Februari

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

A Beratus-ratus ikan ditemukan mati di Sungai Geliga

B Racun serangga organik tidak selamat untuk tanaman

C Para pekebun menggunakan baja kimia di kebun mereka

D Ikan-ikan mati akibat penggunaan racun serangga organik

6 Berikut ialah keburukan racun serangga kimia dan baja kimia berdasarkan petikan *kecuali*

A tidak mesra alam

B mencemarkan alam sekitar

C menyebabkan ikan-ikan mati

D tanaman menjadi lebih subur

Soalan 7 hingga 10


Baca maklumat dalam **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

BAHAN 1

Sekolah Mei Ling mengadakan kempen Jom Kitar semula sempena Minggu Kesedaran Alam Sekitar. Banyak *kebaikan* daripada amalan kitar semula. Oleh itu, murid-murid digalakkan membawa barang yang boleh dikitar semula ke sekolah. Mei Ling teringat akan botol-botol plastik, surat khabar dan majalah lama yang terdapat di rumahnya. Mei Ling meminta kebenaran ibunya untuk membawa barangan itu akan dikumpulkan dan akan dihantar ke pusat kitar semula.

Selain itu , Guru Besar sekolah Mei Ling mengingatkan murid-murid agar sentiasa membuang sampah ke dalam tong sampah kitar semula yang disediakan.

BAHAN 2



[*10 markah***]**

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Linda melihat kakaknya menyusun bahan-bahan diatas meja. Ada balang kaca, batu kecil, tanah, pasir, kompos, dan tumbuhan hijau hiasan.

"Kakak hendak buat apa ?" tanya Linda

"Kakak hendak membuat terarium. Terarium ialah taman mini di dalam balang kaca. Cara membuatnya senang sahaja." Jawab kakak Linda.

Kakak Linda memasukkan batu-batu kecil ke dalam balang kaca. Kemudian, dia memasukkan campuran tanah, pasir dan kompos. Selepas itu, dia memasukkan tumbuhan kecil dan menyiram tumbuh-tumbuhan itu. Kakak Linda menutup balang kaca itu dengan cermatnya.

"Wah, cantiknya terrarium ini!" puji Linda. Dia berasa sungguh kagum apabila melihat hasil kerja kakaknya yang kreatif dan inovatif itu.

(a) Terarium ialah _____.

[1 *markah*]

(b) Apakah bahan-bahan yang disediakan oleh kakak Linda untuk membuat terarium ?

_____

_____

[2 *markah*]

(c) *Gariskan* **satu kata nama khas** *yang terdapat dalam ayat diberi.*

Kakak Linda memasukkan batu-batu kecil ke dalam balang kaca. Kemudian, dia memasukkan campuran tanah, pasir dan kompos.

[1 *markah*]

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

BAHASA MELAYU (011)
TAHUN 4

1 ¼ jam **Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Nama	
Kelas	

ARAHAN:

1. *Kertas soalan ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Bagi* **soalan objektif***, setiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.* **Bulatkan** *jawapan yang betul.*
4. *Bagi* **soalan subjektif***, jawab* semua *soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	**Soalan**	**Markah Penuh**	**Markah Diperoleh**
A	**1-10**	**10**	
B	**1**	**5**	
	2	**5**	
C	**1**	**10**	
D	**1**	**20**	
Jumlah		**50**	

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah, kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari Ahad yang lalu, Kelab Alam Sekitar SK. Taman Selasih telah mengadakan aktiviti gotong-royong. Aktiviti gotong-royong itu melibatkan pihak guru, ibu bapa dan murid-murid.

Tujuan utama aktiviti gotong-royong itu diadakan adalah untuk membersihkan dan menceriakan kawasan sekolah. Aktiviti ini juga dapat *mengeratkan* hubungan antara pihak guru dengan ibu bapa.

Guru-guru, ibu bapa dan murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan diberikan tugasan masing-masing. Antara tugasan tersebut ialah mengutip sampah, mencuci longkang, menanam pokok bunga, mengecat dan melukis mural.

Aktiviti gotong-royong berakhir pada pukul 1.00 petang. Guru-guru, ibu bapa dan murid-murid menikmati jamuan makan tengah hari yang disediakan oleh pihak sekolah.

Guru besar berasa gembira kerana kawasan sekolah kelihatan bersih dan ceria. Beliau berharap aktiviti gotong-royong akan diadakaan lagi pada masa hadapan.

4 Apakah tujuan utama aktiviti gotong-royong itu diadakan?

A mengeratkan hubungan pihak ibu bapa dengan guru.

B membersihkan dan menceriakan kawasan sekolah.

C mengharumkan nama sekolah di peringkat negeri.

D memupuk sikap bekerjasama dalam kalangan murid-murid.

5 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan?

A Aktiviti gotong-royong itu melibatkan pihak guru, ibu bapa dan murid-murid.

B Hanya guru-guru dan ibu bapa yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong itu.

C Aktiviti gotong-royong dianjurkan oleh Kelab Alam Sekitar Taman Selasih.

D Guru-guru, ibu bapa dan murid-murid menikmati jamuan makan tengah hari selepas aktiviti gotong-royong.

6 Perkataan *mengeratkan* dalam petikan sama erti dengan perkataan

A menjalinkan.

B menghubungkan.

C merapatkan.

D mengetatkan.

Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN A	
1	**A**	1
2	**B**	1
3	**D**	1
4	**A**	1
5	**C**	1
6	**D**	1
7	**B**	1
8	**C**	1
9	**A**	1
10	**C**	1

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar